

## Info Program

Program Sains Forensik Universiti Sains Malaysia merupakan program pengajian yang berfokuskan kepada aplikasi sains dalam perundangan. Kurikulum program ini meliputi pelbagai aspek sains forensik termasuk pengujian makmal, pengurusan tempat kejadian jenayah, pemprosesan sampel forensik, prosedur siasatan dan prosedur mahkamah, serta latihan praktikal di Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Polis Diraja Malaysia dan Jabatan Kimia Malaysia, selain projek penyelidikan pada tahun akhir. Program ini direka bentuk untuk menghasilkan graduan yang bertaraf antarabangsa untuk memenuhi keperluan masa hadapan dalam bidang-bidang yang berkaitan dengan sains forensik, kimia, biologi dan kesihatan.

## Info Kerjaya

- Pegawai Penguatkuasa
- Pegawai sains/pegawai penyelidik
- Pegawai pengeluaran, pegawai kawalan mutu, pentadbir dan pegawai pemasaran
- Penasihat teknikal bagi produk dan instrumentasi kimia, perubatan dan kesihatan.